

22/02/1997

PM lancar Genting Skyway

Kamal Ahmad; Shamshul Azree Samshir

GENTING HIGHLANDS, Jumaat - Pusat Peranginan Genting Highlands di sini, memenuhi impian sebagai 'Kota Keriangan' lengkap, apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan sistem kereta monokabel dan Hotel Highlands yang mempunyai 888 bilik, petang ini.

Kereta monokabel 'Genting Skyway' sepanjang 3.2 kilometer adalah sistem kereta kabel yang terpanjang di Asia Tenggara. Ia adalah sistem kereta monokabel termoden dan terpantas di dunia dengan kelajuan enam meter sesaat atau 21.6 kilometer sejam.

Sistem kereta monokabel itu diilhamkan oleh Pengerusi Resort World Berhad, Tan Sri Lim Goh Tong yang berpendapat pusat peranginan bertaraf antarabangsa itu memerlukan pengangkutan moden, selesa dan praktikal untuk kemudahan pengunjung.

'Genting Skyway' adalah sistem kereta kabel pertama dilengkapi 100 gondola pasang-tanggal yang menggunakan teknologi tercanggih, lengkap dengan litar keselamatan kembar bebas-silap.

Pengunjung tidak perlu bimbang kerana semua prosedur penyelenggaraan dan keselamatan projek bernilai RM128 juta itu memenuhi standard yang ditetapkan.

Setiap gondola boleh membawa lapan orang dan dianggarkan boleh menampung 2,000 penumpang dalam masa sejam. Sejak kemudahan itu dibuka kepada orang ramai awal bulan ini, 'Genting Skyway' mendapat sambutan amat menggalakkan.

Pengurus Perhubungan Media Resort World Berhad, Ng Kok Wai, berkata hampir 100,000 pengunjung sudah menaiki kereta monokabel itu yang kini disediakan secara percuma hingga bulan depan.

'Genting Skyway' mampu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas menuju pusat peranginan itu kerana pengunjung hanya perlu naik sehingga Stesen Gohtong Jaya untuk ke pusat peranginan itu.

Perjalanan sejauh 3.38 kilometer yang bermula dari stesen Gohtong Jaya hingga ke hotel Genting mengambil masa hanya 11 minit, berbanding setengah jam dengan kenderaan melalui jalan raya.

Sementara itu, Hotel Highlands terletak 2,000 meter di atas aras laut dan hotel terbesar di pusat peranginan tanah tinggi di negara dengan kemudahan 888 bilik.

Hotel itu dianggap istimewa kerana ia menghubungkan Hotel Genting, Hotel Resort, Hotel Theme Park dan Hotel Awana Tower. Hotel Highlands yang bernilai RM439 juta itu, baru-baru ini memenangi Anugerah Kejuruteraan Geoteknikal kerana ciri pembinaannya.

Hotel itu mempunyai pusat bowling, pusat snuker dan medan selera selain pelbagai kemudahan rekreasi lain.

(END)